

03 APR 2001

Pata-Kitar

PATA AKAN PROMOSI PROGRAM KITAR SEMULA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Dua belas hotel yang menyertai persidangan tahunan ke-50 Persatuan Pelancongan Pasifik Asia (PATA) akan turut menyumbang kepada alam sekitar yang lebih baik dengan menyediakan tong sampah khas untuk program kitar semula.

Pengarah Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Sarjit Singh berkata langkah itu adalah selaras dengan cadangan Lembaga Pengarah Pata di Hawaii baru-baru ini supaya pihak-pihak terbabit menimbangkan pentingnya alam sekitar global yang lebih baik.

Beliau berkata idea itu adalah untuk menggalakkan tetamu di hotel membuang kertas yang tidak digunakan ke dalam tong sampah khas yang disediakan untuk program kitar semula itu.

Sarjit berkata ia merupakan rancangan Pata untuk mendapatkan bantuan hotel supaya tetamu memasukkan barangan yang tidak lagi diperlukan, ke dalam tong yang disediakan di setiap aras bangunan atau di kawasan yang sesuai di lobi, katanya.

"Ini dilakukan pertama kali pada persidangan Pata. Pata berharap ia akan menjadi satu trend di kalangan hotel lain pada masa depan," katanya kepada Bernama di sini.

Sarjit berkata kebiasaannya kertas dibiarkan di merata-rata tempat dalam bilik dan pencuci bilik mengutipnya untuk dibuang.

Katanya ini merupakan kali pertama hotel-hotel di Malaysia mematuhi gesaan Pata Antarabangsa dalam memperkenalkan program ini.

Persidangan ini dijangka menarik kira-kira 1,800 perwakilan daripada sektor yang berkaitan dengan pelancongan seperti syarikat penerbangan, perkapalan, ejen dan operator pelancongan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan lima hari itu Ahad ini.

-- BERNAMA

RV AHH LAT